

NO. SOALAN : 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

Datuk Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status terkini dengan permasalahan lebihan bayaran akibat kesilapan meter utama di Kondomunium Prima Setapak.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menerima aduan pengguna di Kondomunium Prima Setapak pada 22 Februari 2017 dan telah menyemak aduan yang dikemukakan. Pemeriksaan ke atas meter telah dibuat dan didapati meter tersebut telah rosak. Meter yang rosak itu telah ditukar kepada meter baharu pada 11 April 2017. Pelarasan sebanyak RM118,224.25 telah dibuat ke atas akaun pengguna pada 21 Jun 2017. Pemilik akaun juga telah dimaklumkan mengenai pelarasan yang dibuat melalui surat bertarikh 10 Julai 2017.

Sekian, terima kasih

.....

RT07/85

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL
ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, sejauh mana keberkesanan penjenamaan semula pelajar tingkatan enam seiring dengan lima fokus utama yang telah diperkenalkan. Nyatakan impak penjenamaan semula tersebut terhadap daya saing serta imej pelajar tingkatan enam secara keseluruhannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam mempunyai matlamat menjadikan pendidikan Tingkatan Enam setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan lain. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan lima fokus utama inisiatif

Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam iaitu Imej dan Anjakan Minda, Kurikulum, Pengurusan dan Pentadbiran, Mod Pengajaran dan Pembelajaran serta Info dan Infrastruktur.

Selain daripada itu, sistem pentaksiran baharu STPM, menggantikan peperiksaan terminal, mula diperkenalkan pada tahun 2012 kepada kohort murid yang menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2013. Sistem peperiksaan baharu ini menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid dalam peperiksaan STPM. Peningkatan berterusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dapat dilihat dari 2.29 pada tahun 2011 kepada 2.54 pada tahun 2013, dan 2.72 pada tahun 2016. Pentaksiran STPM sedia ada menggalakkan murid untuk memilih Tingkatan Enam sebagai pendidikan lepas menengah sebelum melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi di universiti.

RT07/85